

16/06/2002

Azalina sah jawatan jika tiada calon bertanding

KUALA LUMPUR: Ketua Penaja Puteri Umno, Azalina Othman akan disahkan memimpin Puteri Umno sekiranya tiada calon lain dicadangkan merebut jawatan itu pada perhimpunan agung minggu depan.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata selepas pengesahan kewujudan Puteri Umno, proses pemilihan semua peringkat untuk Puteri Umno akan diadakan seperti yang diamalkan dalam Umno.

Beliau berkata, terpulang kepada ahli Puteri Umno dan jika tidak ada calon lain, Azalina akan disahkan sebagai ketua dan statusnya sebagai Naib Presiden Umno.

Puteri Umno yang ditubuhkan pada 3 Ogos 2000 adalah sayap ketiga Umno yang dianggotai mereka yang berusia 35 tahun ke bawah, tetapi had umur bagi Ketua Puteri adalah 40 tahun.

Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno baru-baru ini bersetuju supaya Ketua Puteri Umno diberi taraf yang sama seperti yang diperuntukkan kepada Ketua Pemuda dan Wanita kerana ia juga sayap kepada parti berkenaan.

Khalil berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Hari Keluarga Kementerian Penerangan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) di sini semalam.

Mengenai penangguhan pemilihan pada peringkat bahagian dalam Umno, Khalid yang juga Menteri Penerangan berkata, ia bergantung kepada kehendak perwakilan.

Khalil berkata, untuk menangguhkan pemilihan peringkat bahagian, mestilah ada pihak yang membuat keputusan sama ada perhimpunan agung parti minggu depan atau Majlis Tertinggi.

Beliau berkata, Umno seperti yang ditegaskan Presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin bahawa parti itu menyerahkan kepada perwakilan sama ada mereka mahu menangguhkan pemilihan selepas pilihan raya umum akan datang atau sebaliknya.

Terdahulu ketika merasmikan Hari Keluarga, beliau berkata, kerajaan menggalakkan setiap kementerian dan jabatan menggalakkan acara seumpama itu bagi merapatkan perhubungan kakitangan.

Pada hari keluarga itu, Khalil bersama timbalannya Datuk Khalid Yunus turut mengambil bahagian dalam pelbagai acara yang diadakan.

(END)